



جامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بُونِيْرِ فِتْنَى إِسْلَامُ ابْنَادَارَ بِعَصِّيَا مُلِيْسِتَى

ATURCARA MAL  
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI  
SARAWAK  
  
OLEH  
  
SAM BIN HAJI OJEH  
  
SATU KERTAS PROJEK BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARI KEHENDAK-KEHENDAK  
UNTUK MENDAPAT DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
  
FAKULTI UNDANG-UNDANG  
  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
  
1985/ 1986

000---00000---000

## P E N D A H U L U A N

Dalam Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan memperakui bahawa Ugama Islam adalah Ugama Persekutuan. Namun demikian undang-undang yang diamalkan adalah satu sistem Undang-Undang Common Law yang diwarisi dari Sistem Undang-Undang Inggeris. Sistem Undang-Undang Islam yang diamalkan hanyalah meliputi perkara-perkara keluarga, warisan, wasiat, wakaf, zakat dan kesalahan-kesalahan jenayah yang kecil di mana kuasa mengenainya adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Tiap-tiap negeri di Malaysia ada mempunyai enakmen-enakmennya yang tersendiri untuk mentadbir hal ehwal orang-orang Islam dalam perkara-perkara yang amat terhad sekali yang diletak di bawah Jabatan Ugama Islam negeri masing-masing. Di Sarawak ianya terletak di bawah kuasa Majlis Islam yang mendapat bidangkuasanya dari Ordinan Majlis Islam (Incorporation), 1954 dan pindaannya dalam tahun 1978 yang meluaskan kuasa kawalannya terhadap Mahkamah Syariah yang baru berkuatkuasa pada 1 Januari 1983.

Penulis juga menyentuh serba sedikit tentang latarbelakang penubuhan Mahkamah Syariah Negeri Sarawak dan bidangkuasa-bidangkuasa Mahkamah tersebut, khasnya mengenai aturcara Mal di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Mahkamah tersebut.

P R A K A T A

Kertas Projek Kecil ini ditulis adalah bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang peranan Mahkamah Syariah Negeri Sarawak. Selama ini mungkin ada di antara kita yang tidak pernah mendengar nama Mahkamah Syariah. Kalau adapun, mungkin tidak mengetahui apakah tugas serta fungsi yang dimainkan olehnya.

Secara keseluruhan atau secara ringkasnya peranan Mahkamah Syariah yang paling utama adalah untuk memberi keadilan yang seadil-adilnya kepada pihak-pihak yang terlibat khusus bagi orang-orang Islam di Sarawak dalam Perundangan yang bersangkut--paut dengan Kes Mat dan Jenayah, mengikut peruntukan Undang-Undang.

Kajian ini adalah hasil bimbingan, nasihat-nasihat, bantuan dan juga kerjasama dari pada pihak-pihak tertentu sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua kakitangan Pejabat Majlis Islam Sarawak, Kuching yang telah banyak memberi pertolongan dalam usaha saya untuk menyiapkan kertas projek ini. Tidak ketinggalan juga penghargaan terima kasih saya kepada Penyelia Kertas Projek ini, yang telah banyak memberi nasihat, panduan, serta komen-komen yang berguna dalam menyiapkan Kertas Projek ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada yang telah bertungkus-lumus menaip, menyusun serta membetulkan kesilapan-kesilapan berhubung dengan Kertas Projek ini serta terima kasih juga kepada mereka yang se-nantiasa memberi nasihat dan perangsang semasa kajian ini disiapkan.

(SAM BIN OJEH)

## K A N D U N G A N

Pendahuluan

Prakata

Kandungan

### BAB I : PENGENALAN

. A. Matlamat dan Bidang Kajian.

### BAB II : MAHKAMAH SYARIAH SARAWAK

A. Latarbelakang penubuhan Mahkamah Syariah.

B. Tata tingkat Mahkamah Syariah.

C. Mahkamah Syariah dan Tugas-Tugasnya:-

1. Perlantikan Kadi Besar dan Kadi Bahagian (Biasa)

2. Struktur Pentadbiran Mahkamah Syariah

3. Unit-Unit Dalam Mahkamah Syariah.

D. Bidangkuasa Mahkamah Syariah:-

1. Bidangkuasa Jenayah

2. Bidangkuasa Mal (Sivil)

E. Keterangan

F. Pengakuan dan Mengangkat Sumpah

BAB III : ACARA PERBICARAAN DI MAHKAMAH SYARIAH

A. Acara Am di Mahkamah Syariah:-

1. Bahasa Mahkamah
2. Orang yang dituduh
3. Pihak Menuntut dan Pihak Kena Tuntut
4. Saksi-Saksi
5. Perwakilan Peguam
6. Surat Perintah Mahkamah
7. Menangguh Perbicaraan dan Melanjutkan atau Meringkaskan Masa
8. Mahkamah Terbuka

B. Acara Sivil:-

1. Proses Perbicaraan
2. Keputusan dan Penguatkuasaan
3. Tidak hormat kepada Mahkamah

C. Rayuan:-

1. Acara Rayuan Jenayah
2. Acara Rayuan Sivil

D. Latarbelakang Penubuhan Majlis  
Islam Sarawak.

BAB IV : PENUTUP

## BAB I

### PENGENALAN

#### A. Matlamat Dan Bidang Kajian

Kertas Projek ini bertujuan untuk memberi gambaran am fungsi Mahkamah Syariah Sarawak dari segi pentadbiran dan perundangan dalam mentadbirkan undang-undang Islam di Sarawak. Adalah dirasakan perlu untuk memilih tajuk di atas sebagai kajian membandingkan Negeri Sarawak sebagai sebuah negeri yang mempunyai sistem pentadbiran dan perundangan Islam yang masih kurang lengkap jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Hanya baru-baru ini iaitu pada 1 Disember 1983 barulah Akta Pindaan Ordinan Majlis Islam (Incorporation) 1978 dikuatkuasakan yang memberi kuasa kepada Majlis Islam menjalankan sistem kehakimannya menerusi Mahkamah Syariah yang sama seperti negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Tajuk Kertas Projek ini dihuraikan dengan memberi penekanan ke atas peranan tugas-tugas dan Bidang kuasa serta aturcara Mahkamah Syariah sebagai badan kehakiman.

Kajian ini adalah terhad kepada perbincangan mengenai peruntukan Ordinan (Penubuhan) Majlis Islam, 1954 dan juga pindaan

Ordinan ini<sup>1</sup> mengenai Pentadbiran Mahkamah Syariah di Sarawak yang membawa pembaharuan terhadap pentadbiran undang-undang Islam di Sarawak. Sebelum ini undang-undang keluarga Islam adalah ditadbir di bawah Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak.

Sarawak adalah merupakan negeri yang terakhir sekali bagi menubuhkan Mahkamah Syariih berbanding dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia. Oleh kerana sebelum penubuhan Mahkamah Syariah di Sarawak, sama ada sebelum merdeka atau sesudah Merdeka. Bagi orang Islam berhubung dengan masalah perceraian, pembahagian harta, waris harta si mati adalah ditadbirkan oleh suatu sistem Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Melayu dengan bidang kuasa yang terhad di dalam perkara Sivil dan jenayah, yang mana hakim-hakim yang membicarakan adalah daripada hakim-hakim Majistret. (District Officer yang berugama Islam).

---

1. Pindaan Ordinan Majlis Islam (Penubuhan) 1978.

Kita bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Kerajaan, kerana apa yang telah kita idami selama ini telah dapat terlaksana, iaitu penubuhan Mahkamah Syariah, untuk mengganti Mahkamah Melayu Sarawak yang memang telah lama kita rasakan perlu diubah dan disesuaikan dengan keadaan zaman.

Dari semenjak tahun 1915 Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak tiada pernah dipinda sehingga pada tahun 1956 baharulah pertama kali ianya dipinda sedikit, di antara lain ditambah suatu peruntukan membolehkan kutipan Zakat dan Fitrah dijalankan oleh Majlis Islam.

Kuasa menjalankan Undang-Undang tersebut sejak mula telah diberi kepada Majistret (District Officer dan Native Officer yang beragama Islam) sehingga Negeri Sarawak menjadi British Colony di mana Native Officer telah diubah menjadi Sarawak Administrative Officer sehingga ke masa-masa yang akhir sebelum Mahkamah Syariah diwujudkan.

Oleh kerana kadang-kadang pegawai yang menjadi Sarawak Administrative Officer itu bukan daripada orang Islam telah menimbulkan masalah-masalah dari segi hukum syarak, misalnya dari soal wali, masalah fasakh dan lain-lain. Dan juga oleh kerana memandang kepada beberapa sebab yang lain seperti:-

- 1) Peruntukan yang ada di dalam Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak itu tiada menyeluruh masih belum mencukupi;
- 2) Dari segi hukuman dan dendanya terlalu kecil tiada sesuai dengan keadaan sekarang;
- 3) Tiada mempunyai kuasa bertindak ke atas orang-orang yang tiada patuh kepada keputusan-keputusan Mahkamah dan sebagainya;
- 4) Tujuan untuk penyelarasan seluruh Mahkamah dalam Malaysia, dirasakan amat perlu pada masa sekarang.

Di atas faktor-faktor inilah maka perlunya Mahkamah Syariah diwujudkan, di mana kuasa untuk menjalankan Undang-Undangnya ialah Kadi-Kadi yang dilantik oleh Tuan Yang Terutama. Kadi-kadi ini mempunyai bidang kuasa seperti berikut:-

- 1) Mahkamah Kadi: Bidangkuasa Mahkamah ini boleh membicara dalam kes-kes jenayah di mana kesalahannya boleh dihukum penjara tiada lebih dari tiga bulan penjara atau denda tiada lebih dari 500 ringgit atau kedua-duanya sekali.
- 2) Dalam kes sivil atau mal Mahkamah ini boleh membicarakan mana-mana kes yang dituntut itu bernilai tiada lebih dari 10,000 ringgit.

Untuk mencepatkan pelaksanaan Undang-Undang Mahkamah Syariah ini, maka Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak itu telah dipinda. Sebanyak 37 fasal telah dimansuh, kerana difikirkan fasal-fasal tersebut tiada perlu untuk dikekalkan. Sebanyak 32 fasal pindaan, manakala fasal-fasal yang ditambah (fasal-fasal baharu) berjumlah 27 fasal.

Undang-undang pindaan ini telah berjalan kuatkuasanya mulai 1 Mac 1985.

BAB II

MAHKAMAH SYARIAH

A. Latarbelakang Penubuhan Mahkamah Syariah

Dahulunya, semua kes yang berhubung dengan keluarga Islam seperti tuntutan nafkah, kes bersetujuan secara haram percaduan suami isteri adalah dibicarakan dalam Mahkamah Melayu Sarawak, di mana Hakim dalam Mahkamah Melayu Sarawak adalah terdiri daripada Tuan Residen, Pegawai Daerah/Pembantu Pentadbir Sarawak (DO/SAO).

Sarawak telah tertinggal jauh ke belakang dari negeri-negeri lain di Malaysia dalam mengendali hal ehwal orang-orang Islam. Inilah latarbelakang yang membawa kepada penubuhan Mahkamah Syariah. Keduanya, Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam hanya dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan secara berkesan dan menyeluruh oleh Mahkamah Syariah.

Pada masa yang lalu juga, segala hal ehwal umat Islam adalah dirujukkan kepada Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak. Dalam perbicaraan yang dijalankan, kadang-kadang Hakim yang mengendalikannya adalah orang bukan Islam. Ini disebabkan tidak terdapat SAO/DO Islam di daerah-daerah itu.

Ketiganya untuk menyelaras Undang-undang Keluarga Islam bagi seluruh Malaysia. Memandangkan beberapa kelemahan yang terdapat dalam Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak maka kerajaan telah memutuskan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 13hb September, 1978, supaya ditubuhkan Mahkamah Syariah di Negeri Sarawak. Dengan tertubuhnya Mahkamah Syariah ini maka dengan sendirinya Mahkamah Melayu Sarawak akan dihapuskan peringkat demi peringkat.

1. Perjumpaan YAB Ketua Menteri dengan Pegawai-pegawai Majlis Islam

Perjumpaan-perjumpaan dan perbincangan-perbincangan telah diadakan dari semasa ke semasa oleh YAB Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub dengan pegawai-pegawai Majlis Islam dalam konteks penubuhan Mahkamah Syariah.

Perjumpaan yang akhir sekali diadakan ialah pada 10hb Januari, 1979 di Dewan Majlis Islam Sarawak. YAB Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub telah melahirkan harapan beliau supaya Mahkamah Syariah dapat dijalankan selewat-lewatnya pada 1hb. April 1979<sup>1</sup>.

Hasrat YAB Ketua Menteri itu ditekankan lagi setelah Dewan Undangan Negeri Sarawak meluluskan Majlis Islam (Incorporation) (Amendment) pada 13hb. Disember 1978 yang membolehkan Majlis Islam mengendalikan Mahkamah Syariahnya.<sup>2</sup>

Kerajaan Negeri Sarawak telah mengumumkan 1hb. Januari, 1983 sebagai tarikh mula berkuatkuasa Mahkamah Syariah Sarawak;

B. Tatatingkat Mahkamah Syariah

Tatatingkat Mahkamah Syariah di Negeri Sarawak adalah tidak jauh bezanya dengan tatatingkat Mahkamah di kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia. Mahkamah Syariah di Negeri Sarawak ada tiga peringkat.

1. Mahkamah Ulang Bicara.
2. Mahkamah Kadi Besar.
3. Mahkamah Kadi

- 
1. Minit Majlis Islam Sarawak, Bil. 24/MI/16/4 bh 19 Februari 1979.
  2. Sarawak Gazette Part 1, No.2, Vol. XXXIII 18 December 1978.

Mahkamah tertinggi dalam struktur Mahkamah Syariah ini ialah Mahkamah Ulang Bicara Syariah sebagai sebuah Mahkamah rayuan untuk menerima rayuan atas kes-kes yang telah dibicara dan diputuskan oleh Mahkamah Syariah bawahan. Kemudian dituruti pula oleh Mahkamah Kadi Besar yang berfungsi sebagai Mahkamah membicara dan kes-kes yang diputuskan di mahkamah ini boleh dibuat rayuan dan diulangbicara di Mahkamah Ulang Bicara Syariah. Mahkamah Kadi Besar bagi Negeri Sarawak akan ditubuhkan di Kuching dan mempunyai bidangkuasa bagi seluruh Negeri Sarawak. Mahkamah yang terendah sekali ialah Mahkamah Kadi Bahagian yang akan diwujudkan di seluruh Bahagian dalam Negeri Sarawak. Fungsinya adalah sama dengan Mahkamah Kadi Besar tetapi membicarakan kes-kes yang lebih ringan. Kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Kadi Bahagian ini juga boleh dibuat rayuan kepada Mahkamah Ulang Bicara Syariah.

C. Mahkamah Syariah dan Tugas-tugasnya

1. Perlantikan Kadi Besar dan Kadi Bahagian (biasa)

Kadi Besar dan Kadi Bahagian (biasa) dilantik dan ditauliahkan oleh Yang Di Pertua Negeri dalam mesyuarat selepas berunding dengan Majlis Islam. Timbalan Kadi Besar juga akan dilantik mengikut acara yang sama. Yang Di Pertua Negeri dalam mesyuarat dan atas nasihat Majlis dari masa ke semasa mempunyai kuasa memberi atau membatalkan surat perlantikan tersebut dengan alasan-alasan yang menasabah. Beliau juga boleh menyekat kuasa-kuasa Kadi yang diperuntukan oleh Ordinan ini, Undang-undang Mahkamah Melayu dan Undang-undang bertulis yang lain.<sup>3</sup>

---

3. Ordinan Majlis Islam (Incorporation), (Pindaan) 1978.

2. Struktur Pentadbiran Mahkamah Syariah

Pentadbiran kehakiman Mahkamah Syariah adalah terletak pada Kadi Besar dan Kadi-kadi Bahagian. Tetapi seluruh pentadbiran Mahkamah adalah diketuai oleh Kadi Besar. Ia bertindak sebagai penye- laras pentadbiran keseluruhan sistem kehakiman Mahkamah Syariah. Perjalanan dan perlaksanaan tugas kadi-kadi bahagian adalah di bawah awasan Kadi Besar. Ini adalah penting supaya pentadbiran kehakiman di tiap-tiap bahagian menjadi cekap dan efesyen. Mahkamah Kadi Bahagian adalah bertugas khusus di bidang kehakiman tanpa terlibat dengan pentadbiran supaya dapat menumpukan perhatian sepenuhnya dalam kerja-kerja kehakiman di samping menjaga taraf kedudukannya sebagai sebuah institusi kehakiman.

Dalam membicarakan kes-kes, Kadi Besar dan Kadi-kadi Bahagian telah ditetapkan bidangkuasa masing-masing. Hanya kes-kes tertentu sahaja Kadi Bahagian boleh membicarakannya. Selain daripada itu kes-kes itu mesti diserahkan kepada Kadi Besar untuk membicarakannya. Tetapi kes-kes yang mesti dibicarakan oleh Kadi Bahagian tidak boleh dipindah atau dibicarakan di Mahkamah Kadi Besar.

3. Unit-unit Dalam Mahkamah Syariah

a. Unit Penguatkuasa

Unit penguatkuasa ini diwujudkan untuk menguatkuasakan perkara-perkara yang menjadi kesalahan. Tugas Bahagian ini ialah mendapatkan maklumat awal serta melalui aduan-aduan orang ramai. Dari sumber-sumber tersebut unit ini akan menjalankan pengintipan, penyiasatan, pemeriksaan serta membuat serbuan jika

difikirkan perlu. Setelah mendapat bukti-bukti yang cukup, orang-orang yang dituduh akan didakwa setelah mendapat nasihat dari unit pendakwaan. Unit ini dalam jangka panjang akan diwujudkan dalam semua pejabat Mahkamah Kadi di peringkat bahagian.

b. Unit Pendakwaan

Bidang tugas unit pendakwaan ialah mengkaji serta meneliti kes-kes aduan yang telah dikemukakan oleh unit penguatkuasa sama ada kes tersebut patut dibawa ke Mahkamah atau sebaliknya.

c. Unit Khidmat Nasihat

Bidang tugas ini ialah bertanggungjawab memberi khidmat nasihat pada prang Islam yang inginkan nasihat kekeluargaan dalam pandangan Islam. Unit ini akan mengambil segala aduan-aduan dari pasangan suami isteri yang berselisih faham dan berusaha menyelesaikannya dan juga memberi panduan tuntutan nafkah yang patut dibuat dan sebagainya.

d. Bidangkuasa Mahkamah Syariah

1. Bidangkuasa Jenayah

Mahkamah Kadi Besar diketuai oleh Kadi Besar sebagai hakimnya dan ianya berkuasa membicarakan kes-kes yang termasuk di bawah bidangkuasanya di seluruh Negeri. Dalam membicarakan kes jenayah, Mahkamah Kadi Besar boleh membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah yang dilakukan oleh orang-orang Islam iaitu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Undang-undang Mahkamah Melayu, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Ordinan ini atau di bawah undang-undang bertulis yang lain. Mahkamah ini tidak diberi kuasa langsung untuk mengikut Undang-undang Islam dalam menjatuhkan hukuman

bagi kesalahan-kesalahan yang telah ditetapkan hukumannya dalam Al-Quran.

Mahkamah Kadi Bahagian (biasa) mempunyai bidangkuasa yang sama tetapi tertakluk kepada seberapa sekatan. Ia hanya boleh membicarakan kes-kes yang hukuman maksimanya tidak lebih dari 3 bulan penjara atau denda yang tidak lebih dari \$500.00 atau kedua-duanya sekali.<sup>4</sup>

Kes-kes yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Syariah ini termasuklah kes-kes hutang nafkah anak, persetubuhan haram, nafkah anak<sup>5</sup> sumbang dan zina. Kes ini dikira sebagai kes jenayah.

## 2. Bidangkuasa Sivil

Dalam perkara sivil (mal) Mahkamah Syariah mempunyai kuasa mendengar dan membuat keputusan perbicaraan hanya dalam kes yang melibatkan pihak-pihak yang beragama Islam sahaja. Perkara-perkara itu termasuklah:

- a. Pertunangan, perkahwinan, perceraian, pemansuhan perkahwinan atau farak dengan perintah Mahkamah.
- b. Pembahagian atau tuntutan harta yang timbul dari perkara-perkara di dalam para (a) di atas.
- c. Nafkah, taraf anak, hak jagaan atau jagaan.
- d. Pembahagian atau tuntutan harta sepencarian.
- e. Menentukan waris-waris yang berhak mendapat bahagian dalam harta pesaka si mati atau bahagian-bahagian mereka masing-masing.
- f. Wasiat.

---

4. Ibid. s.41(4)(a).

5. Kes ini dimasukkan dalam kumpulan jenayah; sebenarnya ia adalah kes sivil jenayah.

- g. Pemberian berkuatkuasa masa hidup (gift interviros) atau pemberian tanpa balasan yang dibuat oleh seorang Islam.
- h. Wakaf atau Nazar atau
- i. Perkara-perkara lain yang Mahkamah mempunyai bidangkuasa memutuskan seperti yang diberi oleh mana-mana Undang-undang bertulis.<sup>6</sup>

Dalam perkara sivil, Mahkamah Syariah boleh membicarakan kes-kes dan menentukan atas semua tindakan-tindakan di mana jumlah nilai kes tidak melebihi \$10,000.00 ataupun perkara-perkara yang tidak dapat dinilaikan seperti tuntutan cerai.<sup>7</sup>

Keputusan Mahkamah Syariah tidak boleh menyentuh harta orang yang bukan Islam.<sup>8</sup> Tidak ada apa-apa di dalam Ordinan ini boleh menyentuh bidangkuasa Mahkamah Sivil. Jika terdapat percanggahan di antara keputusan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, keputusan Mahkamah Sivil mengatasi keputusan Mahkamah Syariah.<sup>9</sup>

e. Keterangan

Mahkamah Syariah dikehendaki mematuhi prinsip-prinsip Undang-undang Islam mengenai bilangan, status atau kualiti saksi-saksi atau keterangan yang diperlukan untuk membuktikan sesuatu fakta. Disamping itu, Mahkamah Syariah dikehendaki mengambil perhatian tentang Undang-undang Keterangan yang pada masa ini terpakai di Sarawak. Tetapi ia tidak perlu memakai prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan tersebut secara ketat.<sup>10</sup>

---

6. Op.cit., s. 41(3)(b). 10. Ibid., s.52(1).

7. Ibid., s.41(4)(b).

8. Ibid.,s.41(5)

...13/-

9. Ibid., s.41(b)

f. Pengakuan dan Pengangkat Sumpah

Mahkamah Syariah diberi kuasa mentadbirkan sumpah dan pengakuan. Sama ada keterangan diberi melalui sumpah atau pengakuan seseorang saksi mestilah memberi kenyataan yang benar.<sup>11</sup>

Jika Mahkamah berpendapat bahawa seseorang saksi telah dengan sengaja memberi keterangan palsu di dalam mana-mana pembicaraan, Mahkamah Syariah boleh mengadu hal tersebut kepada pendakwa raya atau Penolongnya, atau menggunakan kuasa yang diperuntukan di bawah seksyen 14 Ordinan Sumpah dan pengakuan.<sup>12</sup>

Mahkamah Syariah boleh mengeluarkan saman kepada sesiapa untuk memberi keterangan atau mengeluarkan dokumen di dalam simpanannya atau di bawah kuasanya. Orang yang disaman, sama ada dia orang Islam atau bukan, adalah terikat di sini undang-undang untuk mematuhiinya.<sup>13</sup>

---

11. Ibid., s.52(2)

12. Ibid., s.52(3)

13. Ibid., s.53

### BAB III

#### ACARA PERBICARAAN DI MAHKAMAH SYARIAH

##### A. Acara Am di Mahkamah Syariah

Kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah terbahagi kepada dua kumpulan besar. Kumpulan pertama ialah kes-kes jenayah dan kumpulan kedua ialah kes-kes mal (sivil). Walau bagaimanapun terdapat juga kes-kes yang bersifat bertindas antara sivil dan jenayah dan dikenali dengan kes sivil jenayah. Untuk tujuan perbicaraan ia dimasukkan kedalam kumpulan jenayah.

Kedua-dua kumpulan kes ini dibicarakan di Mahkamah Syariah dengan prosedur atau acara yang berbeda. Kumpulan kes jenayah dan sivil dibicarakan mengikut acara pembicaraan jenayah seperti diperuntukan dalam Seksyen 57 hingga Seksyen 73, Majlis Islam (Incorporation Amendment) Ordinance, 1978. Manakala kumpulan kes-kes mal dibicarakan mengikut acara perbicaraan mal yang diperuntukan mengikut Seksyen 74 hingga Seksyen 90 dari Ordinan yang sama.

Acara yang diikuti di dalam perbicaraan di Mahkamah Syariah ini tidak banyak berbeda dari acara yang diamalkan di Mahkamah Awam kecuali terdapat sedikit ubahsuaihan. Tetapi pada prektiknya acara yang diperuntukan tidak selalu diikuti. Kalau dipandang kepada nama Mahkamah ini, tentu boleh dianggap bahawa acara perbicaraan tentu mengikut acara berdasarkan

kepada undang-undang Islam, tetapi anggapan itu jauh meleset kerana walaupun mahkamah ini Mahkamah Syariah tetapi acara yang ditetapkan hampir sama dengan undang-undang awam di-Malaysia.

1. Bahasa Mahkamah

Bahasa yang harus digunakan hendaklah Bahasa Melayu. Semua dokumen atau surat-surat perbicaraan bertulis boleh ditulis dengan tangan ataupun ditaip dengan menggunakan huruf Jawi atau huruf Rumi<sup>1</sup>.

2. Orang Yang Dituduh

Dalam kes jenayah, orang yang dituduh ialah seseorang yang telah ditangkap dengan sebab disyaki telah melakukan sesuatu kesalahan jenayah.

3. Pihak Menuntut Dan Pihak Kena Tuntut

Dalam perbicaraan kes-kes mal (sivil), orang yang mendakwa atas sesuatu perkara dengan sebab tidak puas hati atau sebagainya dikatakan sebagai pihak menuntut dan orang yang kena dakwa dikenali sebagai pihak kena tuntut.

4. Saksi-saksi

Saksi-saksi yang hendak memberi keterangan di Mahkamah Syariah hendaklah saksi-saksi yang dibenarkan oleh hukum syarak.

---

<sup>1</sup> Ordinan Majlis Islam (Incorporation) (Pindaan), 1978, s. 46.

memenuhi syarat-syarat untuk menjadi saorang saksi termasuklah bilangan dan taraf saksi-saksi itu. Bilangan saksi pula bergantung kepada jenis kesalahan misalnya dalam kesalahan Zina bilangan saksi yang diperlukan ialah seramai 4 orang.<sup>2</sup> Dalam kes-kes mal (sivil) pada amnya bilangan saksi mencukupi dengan dua orang sahaja.

#### 5. Perwakilan Peguam

Peguambela tidak ada hak untuk hadir di Mahkamah bagi mewakili mana-mana pihak di dalam perbicaraan kecuali dengan izin mahkamah. Peguam yang telah diberi kebenaran itu dikehendaki menggunakan Bahasa Melayu atau menggunakan seorang penterjemah yang dipersetujui oleh Mahkamah di dalam 'pleading'nya.<sup>3</sup>

Tiap-tiap pihak di dalam perbicaraan kes jenayah dikehendaki menghadirkan diri. Di dalam kes sivil tiap-tiap pihak boleh hadir sendiri atau diwakili oleh seorang ejen atau peguam.<sup>4</sup>

#### 6. Surat Perintah Mahkamah

Surat perintah Mahkamah hendaklah disampulkan oleh Pegawai Mahkamah. Di dalam kes jenayah penyampaian diri dimestikan. Manakala dalam kes sivil, penyampaian diri atau penyampaian ganti boleh digunakan. orang yang telah menyampaikan dokumen hendaklah memfailkan di Mahkamah satu memorandum yang menunjukkan tempat, masa dan cara penyampaian.<sup>5</sup>

<sup>2</sup> Ilmu Al-Qada' Ahmad Al-Husari m.s.105

<sup>3</sup> Op.Cit., s.48

<sup>4</sup> Ibid., s. 49

<sup>5</sup> Ibid., s. 50

7. Menangguh Perbicaraan dan Melanjutkan atau meringkaskan masa.

Perbicaraan yang diadakan boleh ditangguhkan oleh Mahkamah atas sebab-sebab yang cukup dari satu masa ke satu masa atau dari satu tempat ke satu tempat tetapi mestilah di Mahkamah Syariah juga. Mahkamah boleh menetap dan boleh pada bila-bila masa melanjutkan atau meringkaskan masa bagi menjalankan perbicaraan.<sup>6</sup>

8. Mahkamah Terbuka

Segala perbicaraan yang dijalankan di Mahkamah Syariah adalah terbuka kepada orang ramai untuk menghadirinya dengan syarat semua atau sebahagian perbicaraan boleh dibuat dengan cara tertutup jika mahkamah berpuas hati atas alasan dan bagi faedah keadilan dan adab untuk berbuat demikian.<sup>7</sup>

B. Acara Sivil (Mal)

Semua perbicaraan sivil dimulakan dengan memfailkan tuntutan (plaint) yang dibuat oleh pihak yang menuntut secara bertulis yang mengandungi nama, alamat dan keterangan ringkas tuntutan. Ianya mestilah diserahkan kepada Pegawai Pengetua Mahkamah setelah ianya ditandatangani dan membayar yuran yang ditetapkan.<sup>8</sup>

---

<sup>6</sup> Ibid., s. 57

<sup>7</sup> Ibid., s. 54

<sup>8</sup> Ibid., s. 74